

**BAB TIGA**

## BAB 3

### JESUS CHRIST SEBAGAI PENYELAMAT MENURUT PERSPEKTIF GEREJA ROMAN KATHOLIK

#### A. PENDAHULUAN

Bab ini akan membincangkan secara tuntas mengenai dakwaan dan kepercayaan Gereja Roman Katholik bahawa Jesus Christ adalah penyelamat manusia daripada dosa warisan. Menurut Gereja Roman Katholik, dosa warisan yang berpunca daripada kesalahan Adam dan Eve telah menyebabkan Tuhan murka sehingga hubungan manusia dengan Tuhan menjadi renggang. Rentetan daripada krisis tersebut menyebabkan manusia semakin jauh dari rahmat Tuhan. Setelah melakukan kesalahan tersebut, manusia telah berusaha untuk berbaik dengan Tuhan. Malangnya, kesan dosa itu tetap wujud dalam diri manusia. Melihat kepada masalah yang dihadapi oleh manusia kemurkaan Tuhan kemudiannya bertukar kepada sifat kasih dan sayang kepada manusia. Dengan cinta dan kasih-Nya, Tuhan telah menyelesaikannya dengan cara mengorbankan Jesus Christ sebagai tebusan agar manusia bebas dari belenggu dosa tersebut.

Justeru, Gereja Roman Katholik berkeyakinan bahawa keselamatan yang dicari di dalam beragama adalah pembebasan jiwa manusia daripada dosa warisan yang telah menjadi penyakit keturunan kepada manusia. Bagi penganut

Katholik untuk mencapai harapan tersebut, mereka mestilah menghayati dan memahami bahawa kedatangan Jesus Christ ke dunia adalah sebagai penyelamat kepada manusia sejagat daripada dosa warisan.

\*

Bertitik tolak daripada kenyataan di atas menurut Gereja Roman Katholik kedudukan Jesus Christ sebagai penyelamat adalah signifikan. Jesus Christ digambarkan sebagai tokoh yang dinanti-nanti kedatangannya yang telah sanggup berkorban nyawa di dalam berusaha menyelamat dan membawa manusia kepada kasih sayang Tuhan.

#### **B. JESUS CHRIST SEBAGAI PENYELAMAT MENURUT THE HOLY BIBLE**

Keyakinan Gereja Roman Katholik kepada Jesus Christ sebagai penyelamat manusia adalah berlandaskan kepada ajaran yang terkandung di dalam *The Old Testament* dan *The New Testament*. Akses kepada kedua kitab suci ini begitu diyakini oleh penganut Katholik. Ini diasaskan kepada pengakuan Jesus Christ yang menjamin segala yang termaktub di dalam Bible adalah benar. **Matthew 5:18**, merakamkan jaminan bahawa ajaran Jesus adalah benar:

*"I tell you the truth, until heaven and earth disappear not the smallest letter, not the least stroke of a pen, will by any means disappear from the Law until everything is accomplished."*

Bertitiktolak daripada kenyataan tersebut, para penganut Gereja Roman Katholik mendakwa kedudukan Jesus Christ sebagai penyelamat adalah

berlandaskan kepada keterangan yang terdapat di dalam kitab suci yang dipercayai memiliki nilai *religious* di sisi agama Kristian<sup>88</sup>. Oleh itu, penganut Katholik menjadikan *The Old Testament* dan *The New Testament* sebagai landasan di dalam menanamkan kepercayaan ini kepada pengikut mereka.

Sebagaimana yang telah dimaklumi kepercayaan penganut Katholik kepada Jesus Christ sebagai penyelamat adalah bertitik tolak daripada kepercayaan manusia adalah berdosa. Oleh itu, kedudukan dosa warisan di dalam diri manusia amat besar ertiinya. Lanjutan daripada kefahaman tersebut, penganut agama Kristian mempercayai bahawa semua manusia yang dilahirkan ke dunia adalah tidak suci dan mereka menanggung dosa warisan. Pengakuan-pengakuan daripada para nabi dan rasul bahawa mereka adalah golongan yang sentiasa berdosa semenjak dari dalam kandungan lagi telah menambah keyakinan mereka. Di dalam *The Old Testament* ada menceritakan kisah David berdoa kepada Tuhan seperti yang dirakamkan di dalam *Psalm 51:1-7*:

.....

*"Have mercy on me, O God, according to your unfailing love; according to your great compassion blot out my transgressions. Wash away all my iniquity and cleanse me from my sin. For I know my transgressions, and my sin is always before me. Against you, you only have I sinned and done what is evil in your sight so that you are proved right when you speak and justified when you judge. Surely I was sinful at birth, sinful from the time my mother conceived me. "*

<sup>88</sup> Khadijah Mohd. Khambali @ Hambali (1992), *Disertasi Sarjana*. Khadijah Mohd. Khambali @ Hambali (1993), *Disertasi Sarjana*. "Konsep Trinity Menurut Agama Kristian Dan Pandangan Islam Terhadapnya" Kuala Lumpur: AIUM. Hal. 301.

Ungkapan "Surely I was sinful at birth, sinful from the time my mother conceived me" menurut tanggapan penganut Kristian Katholik merupakan bukti yang jelas bahawa manusia memang tidak suci daripada dosa dan mereka menanggung dosa warisan daripada Adam dan Eve. Ia turut memperjelaskan bahawa secara semulajadi manusia tidak suci kerana telah dikuasai oleh dosa. Justeru, bagi penganut agama Kristian terutamanya yang menganut Katholik meyakini bahawa bayi yang dilahirkan adalah berdosa kerana dosa warisan yang ditanggung oleh kedua ibubapanya diturunkan kepada generasi demi generasi.

Rentetan daripada kepercayaan yang telah diperjelaskan telah mengheret kepada keperluan seorang penyelamat yang boleh menyelamatkan manusia untuk menebus dosa warisan tersebut. Kelahiran penyelamat tersebut menurut kepercayaan penganut Katholik telah diisyaratkan sejak awal lagi oleh Tuhan melalui perkhabaran-perkhabaran di dalam *The Old Testament* tentang kedatangan seorang *messiah* atau penyelamat yang akan menyelamatkan bangsa Yahudi daripada kesengsaraan. Menurut agama Kristian, *messiah* yang dimaksudkan ialah Jesus Christ dan kesengsaraan dimaksudkan merupakan kesengsaraan manusia kesan daripada penanggungan terhadap dosa warisan<sup>89</sup>.

Kepercayaan penganut Katholik di atas diperkuatkan lagi berdasarkan ramalan mimpi daripada nabi Daniel yang melihat kedatangan seorang lelaki sebagaimana yang diceritakan di dalam *The Old Testament (Daniel 7:13)*:

---

<sup>89</sup> Temubual dengan Father Stan.

*"In my vision at night I looked, and there before me was one like a son of man, coming with the clouds of heaven."*

Ungkapan kata "*the son of man, coming with the clouds of heaven*", di dalam ramalan Daniel di atas dipercayai oleh para penganut Katholik ditujukan kepada Jesus Christ yang juga digelar sebagai *the Son of Man* kerana mempunyai salasilah keturunan daripada David. Manakala frasa kata "*coming with the clouds of heaven*", yang juga terdapat di dalam kenyataan itu diletakkan oleh penganut Katholik bahawa dalam masa yang sama menunjukkan Jesus Christ itu adalah *Son of God* kerana kelahirannya tanpa bapa. Oleh kerana Jesus Christ dianggap sebagai *Son of God* maka dia dikenali juga sebagai *messiah*. Ini diperaku oleh ***Psalm 2: 2-7***:

*"The kings of the earth take their stand and the rulers gather together against the Lord and against his Anointed One... I will proclaim, the decree of the Lord: He said to me, "You are my Son; today I have become your Father."*

Kenyataan tersebut menunjukkan bahawa Tuhan memperakui bahawa *the Anointed One* iaitu *messiah* (penyelamat) tersebut adalah *Son of God*. Justeru, penganut agama Kristian berpendapat bahawa Jesus Christ itu adalah sebenarnya *Son of God* dan atas alasan tersebut Jesus Christ juga adalah seorang *messiah* (penyelamat). Ini dikukuhkan lagi dengan sejarah hidup Jesus Christ yang dilahirkan tidak berbapa dan keistimewaan-keistimewaan yang dimilikinya adalah seperti Tuhan iaitu antaranya menghidupkan orang yang telah mati<sup>90</sup>. Berikutan

<sup>90</sup> al-Imām al-Hāfiẓ Abū al-Fidā' Ismā'īl ibn Kathīr (1957), *Qisās al-Anbiyā'*. Bayrūt: Dār al-Qalam. hal. 599-601.

daripada kenyataan tersebut Jesus Christ adalah selayaknya membebaskan manusia daripada kesengsaraan dosa warisan melalui penebusannya di tiang salib.

Berdasarkan keterangan dan ulasan umum yang dilakukan terhadap *The Old Testament* di atas dapat dinyatakan bahawa keyakinan penganut Katholik terhadap Jesus Christ sebagai penyelamat merupakan keyakinan yang berasaskan penjelasan daripada *The Old Testament*.

Seperti yang terdapat di dalam *The Old Testament* keterangan-keterangan di dalam *The New Testament* juga mendakwa bahawa Jesus Christ adalah penyelamat manusia daripada dosa warisan yang telah dilahirkan oleh Mary di bandar David seperti yang dirakamkan oleh **Luke 2:7**

*"Today in the town of David a saviour has been born to you; he is Christ (messiah) the Lord..."*

Ungkapan *a saviour has been born to you; he is Christ (messiah) the Lord* meyakinkan lagi penganut Katholik bahawa Jesus Christ adalah penyelamat yang telah diramal oleh nabi Daniel di dalam *Old Testament* adalah tepat. Justeru, penganut Katholik menganggap *New Testament* adalah pentafsir yang paling jitu kepada *Old Testament* di dalam membahaskan kepercayaan mereka mengenai misi penyelamatan Jesus<sup>91</sup>.

---

<sup>91</sup> Temubual dengan Father Stan.

Kenyataan gospel Luke di atas diperkuatkan lagi oleh **Matthew 1:21** yang berbunyi:

*"She will give birth to a son, and you are to give him the name Jesus because he will save his people from their sin..."*

Penganut Katholik berkeyakinan bahawa misi penyelamatan Jesus adalah usaha membebaskan manusia daripada belenggu dosa warisan. Frasa kata "...he will save his people from their sin" merupakan kenyataan yang memperkuatkan lagi kepercayaan tersebut. **Roman 11:26-27** turut menyokong kenyataan di atas dengan menukilkan pula:

*"And so Israel will be saved, as it written: "The deliverer will come from Zion: he will turn godlessness away from Jacob. And this is my covenant with them When I take away their sins"*

Kenyataan gospel di atas menceritakan bahawa Zion adalah suatu wilayah yang terdapat di Palestin yang merujuk kepada Nazareth menurut pentafsiran pemimpin gereja Katholik. Di tempat tersebut Tuhan telah berjanji akan melahirkan messiah atau penyelamat yang akan menyelamatkan manusia daripada dosa yang melingkari hidup mereka<sup>92</sup>.

Kepercayaan terhadap Jesus Christ sebagai penyelamat daripada dosa warisan ini seterusnya diperkuatkan lagi dengan kenyataan yang dirakamkan di dalam **1 Corinthians 15:2-3**.

---

<sup>92</sup> Ibid.

*"By this gospel you are saved, if you hold firmly to the word I preached to you. Otherwise, you have believed in vain. For what I received I passed on to you as of first importance: That Christ died for our sins..."*

Berasaskan bukti-bukti mengenai Jesus Christ sebagaimana dibahaskan di atas memperjelaskan bahawa Jesus Christ merupakan penyelamat manusia daripada dosa warisan menurut perspektif *The Holy Bible* yang mempunyai nilai *religious* di sisi Gereja Roman Katholik.

#### C. JESUS CHRIST SEBAGAI PENYELAMAT MENURUT PERSPEKTIF SARJANA KATHOLIK

Penebusan dosa oleh Jesus Christ merupakan salah satu doktrin dan tunjang akidah utama yang terpenting di dalam Gereja Roman Katholik khususnya dan agama Kristian amnya. Menurut sarjana Gereja Roman Katholik kematian Jesus Christ di tiang salib merupakan suatu perkara yang wajib di lakukan oleh Jesus Christ. Ini kerana ia merupakan tujuan utama Jesus Christ diutuskan ke dunia. Iaitu semata-mata sebagai penebus dosa warisan yang ditanggung oleh manusia akibat daripada perbuatan Adam dan Eve. David L. Coper di dalam bukunya *The Eternal God Revealing Himself to Suffering Israel and to Lost Humanity*, menjelaskan bahawa tujuan utama Jesus Christ diutuskan ke dunia ini ialah sebagai penyelamat yang berperanan menebus dosa warisan yang melingkari manusia semenjak lahir<sup>93</sup>

<sup>93</sup> David L. Coper (1953), *The Eternal God Revealing Himself to Suffering Israel And to Lost Humanity*. California: Biblical Research Society. Hal. 212.

Menurut David L. Coper lagi, alasan utama menurut Gereja Roman Katholik yang melayakkan Jesus Christ menjadi penyelamat dan penebus dosa adalah kerana dia dikatakan sebagai *Son of God* yang benar-benar memahami hakikat dosa. Manusia lain tidak mempunyai pengetahuan ataupun tidak mencapai kepada pengetahuan yang sebenar tentang dosa. Ini kerana perkara tersebut hanya berada di dalam pengetahuan Tuhan. Oleh itu hanya Tuhan sahaja yang mengetahui hakikat sebenar mengenainya. Kerana itu pada peringkat awal lagi, Tuhan mlarang Adam dan Eve daripada memakan buah dari pohon *the Tree of Good and Evil* kerana ianya menunjukkan manusia berusaha ingin menjadi Tuhan dan mengetahui segala perkara baik dan buruk. Memandangkan Jesus Christ adalah Anak Tuhan, beliau layak untuk menjadi penyelamat dan penebus disebabkan pengetahuannya yang sebenar tentang dosa<sup>94</sup>.

Jesus Christ turut dipercayai sebagai penyelamat kerana dia dalam masa yang sama merupakan anak kepada manusia kerana mempunyai daging dan darah manusia serta dilahirkan oleh manusia iaitu Mary. Oleh itu, kelayakan yang ada padanya sebagai seorang penyelamat adalah berganda. Ini kerana Jesus Christ bukan sahaja berada di kedudukan Tuhan sebagai yang Maha Mengetahui bahkan beliau turut berada di kedudukan manusia sebagai keturunan yang mewarisi dosa Adam walaupun dirinya tidak dijangkiti dosa warisan. Diri Jesus dikatakan tidak berdosa kerana jasad dan rohnya merupakan titisan zat Tuhan. Justeru dia suci daripada sebarang dosa. Namun, keperitan dan derita generasi manusia seterusnya menanggung dosa warisan turut dirasai Jesus Christ atas sebab dirinya

---

<sup>94</sup> Ibid.

yang berketurunan manusia. Dirinya sebagai Tuhan adalah alasan melayakkannya untuk menjadi penyelamat manusia dari dosa warisan. Justeru penebusan dosa yang dilakukan oleh Jesus Christ adalah sebagai suatu urusan di antara manusia dengan Tuhan untuk mencapai kesejahteraan dan kesempurnaan hidup<sup>95</sup>.

Dengan kelebihannya sebagai Tuhan dan dalam masa yang sama juga sebagai manusia, maka ianya memberikan kelayakan kepada Jesus Christ supaya manusia dapat merasai bahawa diri mereka disayangi oleh Tuhan<sup>96</sup>. Ia membawa maksud bahawa Tuhan hidup seperti manusia dan akan mati kerana manusia melalui penebusan dosa warisan. Justeru, Jesus Christ bukan sahaja sebagai *Son of God* bahkan beliau adalah penjelmaan perubahan manusia atau *eschatological*. Di samping itu, Jesus Christ turut dipercayai sebagai Tuhan yang sentiasa hidup di dalam diri manusia iaitu *God-in-Flesh*<sup>97</sup>. Melihat keakrabannya dengan manusia yang hidup di dunia dan kedudukannya sebagai *Son of God* yang tunggal, di sisi pengikut Katholik tidak wujud individu lain yang layak untuk memikul tugas sebagai penyelamat dan penebus dosa manusia melainkan Jesus Christ. Apabila Jesus Christ mempunyai kelayakan sedemikian, maka beliau wajib menjalankan tugasnya untuk menebus dosa warisan yang diwarisi akibat kesalahan yang dilakukan oleh Adam dan Eve semasa mereka tinggal di Eden.

<sup>95</sup> F. Hugh Capron (t.t), *The Anatomy of Thruth*, ed. 6. Edinburgh: T&T Clarke. Hal. 204. Lihat juga di dalam *Matthew 5:48* dan *John 10:30*.

<sup>96</sup> Kern Robert Trenbath (1991), *Divine Revelation; Our Moral Relation With God*. Oxford, New York: Oxford University Press. Hal. 153.

<sup>97</sup> *Ibid.*

J.D. Douglas di dalam bukunya *The New Bible Dictionary*, menggariskan tiga sebab perlunya penebusan dosa yang dilakukan oleh Jesus Christ di dalam menyelamatkan manusia. Tiga perkara tersebut ialah:

- 1) kerana dosa warisan adalah bersifat sejagat
- 2) kerana krisis dosa warisan yang dihadapi oleh manusia adalah amat serius
- 3) kerana manusia tidak mampu untuk menangani dosa<sup>98</sup>.

Atas dasar tiga perkara ini, maka perlu ada seorang penebus atau penyelamat. Ketiga-tiga perkara tersebut secara khususnya dikaitkan dengan dosa warisan kerana pada pandangan Kristian dan khususnya Gereja Roman Katholik dosa warisan itu adalah bersifat sejagat dan ianya dibebankan ke atas setiap individu manusia tanpa mengira bangsa dan darjah. Ini menunjukkan bahawa dosa warisan memberikan impak yang serius ke atas diri individu yang menyebabkan mereka jauh daripada rahmat Tuhan dan mendorong bertindak menentang Tuhan dengan melakukan dosa. Di samping itu, dosa warisan turut menjadikan pertahanan dalaman manusia lemah dan seterusnya membangkitkan keinginan manusia untuk terus melakukan dosa kerana tidak mampu melawan ajakan-ajakan nafsu ke arah perbuatan dosa<sup>99</sup>.

Gereja Roman Katholik juga meletakkan Jesus Christ sebagai korban untuk mencapai tujuan penghapusan dosa warisan. Ini disebabkan kedudukan dan

<sup>98</sup> J. D Douglas (1965), *The New Bible Dictionary*. London: The Inter-Varsity Fellowship, cet. 4. Hal. 107.

<sup>99</sup> *Ibid.* hal. 107-108.

kelayakan Jesus Christ sebagai *Son of God* dan *Man of God*. Tambahan pula, dosa warisan merupakan dosa asal manusia yang dilakukan oleh Adam dan Eve yang diwariskan kepada setiap manusia seterusnya. Memandangkan dosa warisan adalah dosa yang sukar ditebus oleh individu lain maka Jesus Christ adalah korban dalam usaha Tuhan memulihkan kembali hubungan dengan manusia. Di dalam bahasa Inggeris pengorbanan sebegini disebut sebagai *atonement*. Menurut Gereja Roman Katholik upacara *atonement* hanya perlu dilaksanakan sekali sahaja sebagai penghapusan dosa dan kesannya pula kekal selama-lamanya hingga akhir zaman. Ini dijelaskan oleh ***Hebrews 9:11-14:***

*"When Christ came as high priest of the good things that are already here, he went through the greater and more perfect tabernacle that is not man-made, that is to say, not a part of this creation. He did not enter by means of the blood of goats and calves; but he entered the Most Holy Place once for all; by his own blood, having obtained eternal redemption. The blood of goats and bulls and the ashes of a heifer sprinkled on those who are ceremonially unclean sanctify them so that they are outwardly clean. How much more, then, will the blood of Christ, who through the eternal Spirit offered himself unblemished to God, cleanse our conscience from acts that lead to death, so that we may serve the living God!"*

Bertitiktolak daripada keterangan tersebut memperlihatkan bahawa agama Kristian dan khususnya Gereja Roman Katholik mempercayai bahawa kematian Jesus Christ di tiang salib merupakan suatu bentuk *atonement* yang bersifat *divine act* yang bertujuan untuk menyelamatkan manusia daripada kesan dosa warisan yang melanda manusia sejagat akibat daripada perbuatan Adam dan Eve di Eden. Ini kerana Tuhan Bapa telah menjelma ataupun *incarnate* di dalam diri Jesus Christ

semata-mata untuk menunjukkan kasih sayang-Nya dan menyelamatkan manusia daripada dosa warisan<sup>100</sup>.

Penganut Katholik selanjutnya mempercayai Jesus Christ sebagai penyelamat kerana dia sanggup mengorbankan dirinya bagi membuka jalan kepada setiap penganut memperolehi keselamatan di dunia dan akhirat. Ini kerana sebelum peristiwa pengorbanan tersebut kemurkaan dan hukuman Tuhan begitu hampir kepada manusia. Justeru individu yang tidak percaya kepada Jesus Christ sebagai penyelamat akan menyebabkan mereka terkeluar dari rahmat dan kasih sayang Tuhan<sup>101</sup>. Hanya dengan keyakinan yang padu terhadap kepercayaan ini dosa warisan manusia akan disucikan dan mendapat balasan baik daripada Tuhan di hari Pengadilan-Nya kelak.

Kepercayaan kepada Jesus Christ sebagai penyelamat bermakna juga bahawa Jesus Christ telah mati disalib<sup>102</sup>. Kepercayaan kepada agenda ini, merupakan pokok dalam mencapai keselamatan bagi manusia. Tegasnya, pensaliban Jesus Christ adalah penebusan untuk mendapat keselamatan yang hakiki. Menurut kepercayaan Katholik penebusan melalui kematian dan penderitaan di kayu salib mesti dilakukan oleh manusia-Tuhan bagi memberi keadilan kepada manusia sejagat. Dosa manusia selepas pensaliban itu telah terampun dan manusia telah bebas daripada penderitaan.

---

<sup>100</sup> Richard Struch (1991), *The Word and the Christ. An Essay in Analytic Christology*. Oxford: Clarendon Press. Hal. 121 dan 176.

<sup>101</sup> Temubual dengan Father Jeremy pada 18.7.99 di Roman Catholic Church, Jalan Gambut, Kuantan, Pahang.

<sup>102</sup> *Mark 16: 15-16*.

Menurut penganut agama Kristian Katholik Jesus Christ juga adalah penyelamat yang berfungsi menegakkan keadilan Tuhan. Keadilan ataupun *justification* yang dimaksudkan dalam konteks agama Kristian ialah membebaskan manusia daripada dosa warisan dan dosa-dosa yang lain. Ini kerana mereka berpendapat bahawa dosa warisan itu merupakan suatu ketidakadilan yang berada di dalam diri manusia yang telah menyebabkan mereka jauh daripada rahmat Tuhan dan mudah terjerumus untuk melakukan dosa<sup>103</sup>. Keadilan tersebut pula tidak dapat ditegakkan walaupun melalui undang-undang *Torah* (*The Old Testament*). Hanya melalui Jesus Christ sahaja keadilan akan dapat ditegakkan apabila dosa warisan dan semua kesalahan dapat dihapuskan. *Acts. 13:38-39* mengatakan:

*"Therefore my brothers, I want you to know that through Jesus the forgiveness of sins is proclaimed to you. Through him everyone who believes is justified from everything you could not be justified from by the law of Moses."*

*Romans 8:1-4* turut membuktikan kebenaran kepercayaan Kristian Katholik tersebut:

*"Therefore there is now no condemnation for those who are in Christ Jesus, because through Christ Jesus the law of the Spirit of life set me free from the law of sin and death. For what the law was powerless to do in that it was weakened by the sinful nature. God did by sending his own Son in the likeness of sinful man to be a sin offering. And so he condemned sin in sinful man, in order that the righteous requirements of the law might be fully met in us, who do not live according to the sinful nature but according to the Spirit."*

<sup>103</sup> William Evans (1972), *The Great Doctrines of the Bible*, Chicago: Moody Press, Hal. 156-160.

Berdasarkan keterangan di atas dapat difahami bahawa Jesus Christ merupakan orang yang bertanggungjawab untuk menyelamatkan manusia daripada hukuman Tuhan akibat daripada dosa dan kesalahan Adam dan Eve. Oleh itu, kepercayaan seseorang individu terhadap misi Jesus Christ akan membebaskannya daripada hukuman yang telah ditentukan oleh Tuhan iaitu siksaan api neraka akibat daripada melakukan dosa.

Menurut Paul Tan Chee Ingg, salah satu cara Jesus Christ memanifestasikan keadilan ialah dengan mengalirkan darahnya di muka bumi<sup>104</sup>. Harga yang mahal terpaksa dibayar oleh Jesus Christ untuk menyelamat dan menebus dosa warisan iaitu dengan cara *bloodshedding*. Pengaliran darah adalah penting sebagai lambang dosa warisan telah ditebus. Dengan pengaliran darah itu juga telah berjaya mengembalikan manusia menjadi suci. Oleh itu, kematian Jesus Christ di tiang salib telah menjadikan manusia dan Tuhan berdamai kerana manusia telah suci dan telah layak menghampiri Tuhan yang suci *Romans 3:22-26* menjelaskan:

*"The righteousness from God comes through faith in Jesus Christ to all who believe. There is no difference, for all have sinned and fall short of the glory of God, and are justified freely by his grace through the redemption that came by Christ Jesus. God presented him as a sacrifice of atonement, through faith in his blood. He did this to demonstrate his justice, because in his forbearance he had left the sins committed beforehand unpunished-he did it to demonstrate his"*

<sup>104</sup> Temubual dengan Rev. Paul Tan Chee Ingg pada 6.12.99 di Catholic Research Centre, Kuala Lumpur.

*justice at the present time, so as to be just and the one who justifies those who have faith in Jesus."*

Kesinambungan kepercayaan di atas diperkuuhkan lagi melalui *The New Testament* (*Romans 5:8-9*) yang menyatakan bahawa keadilan itu hanya dapat ditegakkan melalui darah Jesus Christ:

*"But God demonstrates his own love for us in this: While we were still sinners, Christ died for us. Since we have now been justified by his blood, how much more we shall saved from god's wrath through him!"*

Menurut penganut Gereja Roman Katholik Tuhan telah menunjukkan kasih sayang dan rahmat-Nya kepada manusia apabila Tuhan sanggup menyerahkan Son of God untuk dikorbankan di tiang salib sebagai pertukaran kepada pengampunan dosa warisan. Tuhan telah menyediakan perancangan-Nya untuk menyelamatkan manusia daripada dosa warisan dengan menawarkan anak tunggal-Nya di tiang salib sebagai suatu bentuk korban manusia atau *human sacrifice*. Pengaliran darah diperlukan oleh Tuhan sebagai memenuhi kriteria untuk menebus dosa manusia. Ini kerana tanpa korban, maka tiada pengaliran darah. Tiadanya pengaliran darah bererti tiadanya pengampunan dosa. Sebagaimana yang dinyatakan di dalam *The New Testament* (*Hebrew 9:22*):

*"In fact, the law requires that nearly -everything be cleansed with blood, and without the shedding of blood there is no forgiveness."*

Memandangkan para penganut agama Kristian menganggap dosa warisan merupakan ibu segala dosa, maka ianya wajar dihapuskan supaya dosa tersebut dapat diampuni oleh Tuhan. Justeru, seseorang yang melakukan korban sahaja akan mejadikan dosa warisan tersebut dapat ditebus. Penebusan yang dilakukan hendaklah kekal dan dilakukan sekali sahaja agar dosa warisan yang telah ditebus dapat menyelamatkan sekalian manusia selama-lamanya. Apabila seseorang itu telah diselamatkan daripada dosa, maka selama-lamanya ia akan terselamat. **John 10:27-29** mengukuhkannya:

*"My sheep listen to my voice; I know them, and they follow me. I give them eternal life, and they shall never perish; no one can snatch them out of my hand. My Father, who was given them to me, is greater than all; no one can snatch them out of my Father's hand."*

**Romans 8:38-39** turut membuktikannya benar:

*"For I am convinced that neither death nor life, neither angels nor demons, neither the present nor the future, nor any powers, neither height nor depth, nor anything else in all creation, will be able to separate us from the love of God that is in Christ Jesus our Lord."*

Kerelaan Jesus disalib juga telah memperlihatkan sifat cinta kasih dan belas kasihan Tuhan yang tidak terbatas kepada umat manusia agar bebas daripada dosa warisan. Pensalibannya telah berjaya menyelamatkan manusia dan nerapkan kembali jurang kerenggangan di antara manusia dan Tuhan yang terjadi akibat dari dosa warisan. Justeru Jesus adalah penyelamat yang menjadi

pemangkin mengeralkan kembali hubungan yang selama ini telah tercemar. Justeru, darah yang mengalir pada tubuhnya adalah sebagai simbol dosa warisan telah disuci dan dihapuskan. Peranan Jesus sebagai penyelamat agung ini boleh dilihat daripada dua segi iaitu semasa melaksanakan ajarannya bilamana beliau telah berusaha menyelamatkan manusia daripada kongkongan penyelewengan hukum *Torah* yang dimanipulasi oleh golongan *Pharisee* dan *Suducee*<sup>105</sup> yang menyebabkan hukum-hakam yang melingkari manusia menjadi begitu rigid dan membebankan<sup>106</sup>. Keduanya apabila dia merelakan dirinya disalib sebagai menebus segala dosa warisan yang diwarisi daripada Adam dan Eve<sup>107</sup>.

Di dalam peristiwa penyelamatan manusia menerusi keadaan merelakan diri disalib ini *Mark 15:31-33* ada merakamkan:

*"He save others," they said, "but he can't save himself! Let this Christ, this King of Israel, come down now from the cross, that we may see and believe." Those crucified with him also heaped insults on him. At the sixth hour darkness came over the whole land until the ninth hour. And at the ninth hour Jesus cried out in a loud voice, "Eloi-Eloi lama sabachthani?" which means, "My God my God, why have you forsaken me?"*

Nyata sekali daripada penyataan gospel di atas, memperjelaskan bahawa Jesus telah merelakan dirinya disalib. Bersama dengan kerelaan itu beliau telah meraung kesakitan dengan seruan yang telah disebutkan sebagai bukti mewakili

<sup>105</sup> Pengertian dua istilah di atas sila rujuk hal. 114.

<sup>106</sup> Muhammad 'Ata-ur Rahim (1982) *Jesus A Prophet of Islam*. Hal. 19.

<sup>107</sup> Temubual dengan Father Jeremy.

manusia yang berdosa. Kebangkitan Jesus selepas kematianya merupakan bukti misinya telah tercapai dan Tuhan telah menerima korban diri Jesus dan perdamaian jiwa manusia. Ianya juga bermakna manusia telah bebas daripada dosa warisan dan memulakan tahap baru di dalam sejarah kehidupan mereka<sup>108</sup>.

;

Kesakitan dan kesiksaan yang dialami oleh Jesus Christ telah menebus dosa warisan manusia yang berpunca daripada Adam dan Eve. Penebusan terhadap dosa ini adalah sukar dan menyayat hati bagi sesiapa yang memahaminya secara mendalam. Menurut keyakinan Katholik, kesanggupan Jesus disalib memperlihatkan pengorbanan dan perasaan kasih sayang yang Maha Besar oleh Tuhan kepada umat manusia yang berdosa. Pengorbanan ini tidak akan dapat dilakukan kecuali di dalam masa yang sama memiliki perasaan kasih yang mendalam kepada manusia. Demi kebaikan manusia Jesus telah memilih pensaliban demi kasih sayangnya kepada manusia sejagat. Oleh yang demikian darah Jesus yang mengalir ke bumi dan penderitaan yang dialami olehnya mestilah diyakini. Penebusan Jesus melalui pensaliban adalah praktikal utama ke arah pembentukan upacara peribadatan di dalam Gereja Roman Katholik<sup>109</sup>.

Berdasarkan keterangan-keterangan yang telah diperjelaskan penulis mendapati bahawa penebusan dosa yang dilakukan oleh Jesus Christ sebagaimana yang dipercaya pengikut Kristian dan khususnya Gereja Roman Katholik bukanlah untuk mendapat keampunan daripada Tuhan secara menyeluruh

<sup>108</sup> *Ibid.*

<sup>109</sup> *Ibid.*

dan mutlak. Ini kerana setiap para penganut agama Kristian khususnya Roman Katholik perlu melakukan upacara baptis<sup>110</sup> untuk menghapuskan dosa warisan di dalam dirinya walhal ianya telah diampuni oleh Tuhan untuk manusia melalui Jesus Christ dengan pensalibannya di tiang salib. Justeru penebusan yang dilakukan oleh Jesus Christ adalah seumpama pengampunan umum yang bersifat tidak menjurus kepada setiap individu manusia. Ia kemudian telah menjadi suatu konsesi yang telah dimonopoli oleh golongan gereja untuk mempastikan rahmat dan keampunan Tuhan diperolehi oleh penganut Kristian dengan cara mewajibkan upacara baptis untuk tujuan mendapat jaminan keselamatan di hari Pengadilan kelak.

Justeru, kepentingan Jesus Christ mengorbankan dirinya semata-mata untuk membuka jalan pengampunan secara umum kepada manusia ke arah penebusan yang abadi. Sepatutnya kedudukan Jesus Christ sebagai *Son of God* dan *Man of God* membolehkannya berdoa sahaja agar dosa warisan tersebut dihapuskan. Justeru kematian Jesus Christ di tiang salib dengan tujuan menebus dosa manusia dan kaitannya dengan doktrin dosa warisan boleh dipertikaikan keabsahannya. Ianya kelihatan seperti sengaja diada-adakan sebagai suatu pembuktian bahawa Jesus Christ itu mati di tiang salib untuk kebahagiaan manusia sejagat. Pastinya ia berkaitan dengan misi St. Paul yang berusaha mengubah ajaran Kristian agar

<sup>110</sup> Baptis adalah satu upacara keagamaan atau *sacrament* yang wajib dilakukan oleh penganut Katholik. Ia berfungsi untuk menghapuskan dosa warisan yang ditanggung oleh manusia. Pembaptisan dilakukan oleh para paderi gereja kepada bayi yang baru dilahirkan. Untuk keterangan lanjut sila lihat James Hasting (1920), *Encyclopedia of Religion and Ethics*, di bawah perkataan *Baptism*. Dan lihat Khadijah Mohd. Khambali @ Hambali, "Baptis, wudhu' dan Ghusl : Satu kajian perbandingan". *Jurnal Syariah*. Bil. 1. 1994. Hal. 43.

agama yang amat dibencinya akan musnah dari dalam. Ini bererti, segala konsep dan falsafah ajaran Kristian ini diadaptasi daripada pelbagai budaya dan tamadun silam iaitu Greek dan Rom agar ianya menyeleweng daripada ajaran Jesus Christ yang sebenar<sup>111</sup>.

:

#### D. PENYATUAN DENGAN JESUS CHRIST SEBAGAI JALAN KESELAMATAN

Menurut sarjana Kristian, mengingati Jesus Christ kerana kesanggupannya mengorbankan diri di tiang salib adalah amat penting dalam agama Kristian. Justeru di dalam Gereja Roman Katholik terdapat satu *sacrament* yang dianggap suci di dalam proses mengingati kembali jasa yang dilakukan oleh Jesus Christ. *Sacrament* yang dianggap suci itu dinamakan sebagai *Eucharist*<sup>112</sup>. *Sacrament* ini dilakukan pada asasnya sebagai mengingati peristiwa makan malam terakhir

.....

---

<sup>111</sup> Baharuddin bin Abd. Malek (1999), "Konsep Dosa Warisan Menurut Gereja Roman Katholik: Suatu Analisis". *Disertasi Sarjana*. Kuala Lumpur: APIUM. Hal. 122.

<sup>112</sup> *Eucharist*- disebut juga sebagai *Lord's Supper* ataupun *Last Supper* yang bererti makan malam terakhir. Digunakan sebagai memberi gambaran kepada makan malam terakhir Jesus Christ bersama para *apostle* beliau. Penggunaan istilah *Eucharist* masyhur di kalangan Gereja Roman Katholik. Berdasarkan kepada keterangan sarjana Kristian dan kenyataan-kenyataan daripada *The New Testament*, *Eucharist* merupakan gambaran penyatuant antara para pengikut agama Kristian dengan Jesus Christ. Ini kerana pada malam upacara tersebut diadakan Jesus Christ hadir bersama-sama pengikutnya untuk sama-sama menikmati hidangan roti dan perahan anggur atau *wine* sebagai santapan terakhirnya. Ia dipercayai sebagai santapan terakhir Jesus Christ bersama pengikutnya yang setia kerana selepas daripada itu, beliau telah ditangkap dan disalib. Dalam makan malam terakhir itu, Jesus Christ telah membahagikan roti sambil berkata "Inilah dagingku" dan ketika beliau meminta para *apostle* meminum air anggur, beliau menyatakan "Inilah darahku". Peristiwa tersebut dinyatakan dengan jelas di dalam *The New Testament* seperti *Matthew 26:26-29*. Lihat Paul Kevin Meagher, et. al. (1979), *Encyclopaedia Dictionary of Religion*. Hal. 2267-2268.

Jesus Christ bersama para *apostle*<sup>113</sup>. Selain istilah *Eucharist* istilah *Last Supper* dan *Lord's Supper*<sup>114</sup> juga digunakan bagi menamakan *sacrament* ini.

Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada keterangan sarjana Kristian dan kenyataan-kenyataan daripada *The New Testament*, *Last Supper* merupakan penyatuan antara para penganut agama Kristian dengan Jesus Christ. Ini kerana pada malam upacara tersebut diadakan Jesus Christ hadir bersama-sama pengikutnya untuk sama-sama menikmati hidangan roti dan perahan anggur atau *wine* sebagai santapan terakhirnya. Ia dipercayai sebagai santapan terakhir Jesus Christ bersama pengikutnya yang setia atau *apostle* sebelum beliau ditangkap dan disalib. Dalam makan malam terakhir itu, Jesus Christ telah membahagikan roti sambil berkata "Inilah dagingku" dan ketika beliau meminta para *apostle* meminum air anggur, beliau menyatakan "Inilah darahku". Peristiwa tersebut dinyatakan dengan jelas di dalam *The New Testament* seperti **Matthew 26:26-29**:

*"While they were eating, Jesus took bread, gave thanks and broke it, and gave it to his disciples, saying, "Take and eat; this is my body." Then he took the cup, gave thanks and offered it to them saying, "Drink from it, all of you. This is my blood of the covenant, which is poured out for many for the forgiveness of sins. I tell you, I will not drink of this fruit of the vine from now on until that day when I drink it anew with you in my Father's kingdom."*

Berdasarkan kepada keterangan di atas, penganut agama Kristian percaya bahawa Jesus Christ hadir ketika upacara *Eucharist* diadakan. Bagi Gereja Roman

<sup>113</sup> William E. Addis dan Thomas Arnold (1957), *A Catholic Dictionary*. London: Routledge & Kegan Paul Limited Broadway House. Hal. 315.

<sup>114</sup> Paul Kevin Meagher, et. al. (1979), *Encyclopaedia Dictionary of Religion*. Hal. 2267-2268.

Katholik mereka mempercayai bahawa Jesus Christ hadir dengan sebenar-benarnya iaitu hadir sebagai tubuhnya di dalam setiap roti yang dimakan dan juga sebagai darah beliau di dalam setiap arak yang diminum berdasarkan teori gereja ini iaitu teori *the real presence*. Berdasarkan teori ini Jesus Christ dikatakan telah benar-benar hadir serta dengan sebenar-benarnya hadir di dalam *sacrament Holy Eucharist*<sup>115</sup>. Menurut Gereja Roman Katholik, teori *real presence* ini diasaskan berlandaskan kepada kenyataan *The New Testament (John 6:52-58)*. Teori *real presence* telah diperkuatkan lagi apabila ia telah diterima dengan rasmi oleh Persidangan Trent pada tahun 1545M-1563M.

Gereja Roman Katholik menegaskan bahawa melalui perkataan "*this is my body*" dan "*this is my blood*" ia mampu untuk menukar roti kepada tubuh Jesus Christ dan arak kepada darah beliau<sup>116</sup>. Justeru, timbul pula satu persoalan lain, bagaimanakah roti yang dimakan boleh bertukar menjadi tubuh atau daging Jesus Christ yang sebenar setiap kali upacara *Eucharist* dijalankan. Padahal ketika itu, roti yang dimakan tetap roti dan tidak berbentuk seperti tubuh Jesus Christ dan arak yang diminum masih kekal keadaannya sebagai arak, ia tidak bertukar menjadi darah Jesus Christ.

Untuk menjawab persoalan ini, agama Kristian khususnya Gereja Roman Katholik menyatakan bahawa upacara ini dianggap misteri dan dikategorikan sebagai *sacrament*. Ini kerana penjelasan mengenainya adalah *complicated* dan

<sup>115</sup> William E. Addis dan Thomas Arnold (1957), *A Catholic Dictionary*. Hal. 315.

<sup>116</sup> George H. Demetrikopoulos (1964), *Dictionary of Orthodox Theology, A Summary of Beliefs, Practices and History of Eastern Orthodox Church*. New York: Philosophical Library. Hal. 80.

hanya penganut Roman Katholik sejati dapat memahami situasi tersebut. Oleh itu, penganut Kristian tidak boleh menolak kehadiran Jesus Christ kerana perbuatan sedemikian boleh dianggap *heresy*. Bagi mengukuhkan lagi pegangan mereka, suatu teori yang dikenali sebagai *transubstantiation*<sup>117</sup> diperkenalkan. Teori ini menjelaskan bahawa walaupun roti yang dimakan oleh setiap penganut Kristian itu pada zahirnya adalah roti tetapi realitinya telah bertukar menjadi tubuh Jesus Christ. Begitu juga dengan arak yang pada zahirnya adalah arak, tetapi realitinya ia adalah darah Jesus Christ<sup>118</sup>.

Untuk memperkuatkan teori *transubstantiation* ini, agama Kristian khususnya Roman Katholik memberikan kiasan bahawa beras boleh menjadi nasi apabila dimasak meskipun pada asalnya ia adalah beras. Beras yang dimasak bertukar sifat menjadi nasi dan ia tidak lagi boleh dipanggil beras kerana ia telah bertukar dalam realitinya. Justeru, perubahan beras kepada nasi menjelaskan bahawa keadaan beras boleh berubah kepada sesuatu yang lain. Keadaan yang sama berlaku apabila dinisbahkan dengan pertukaran roti kepada tubuh dan arak kepada darah Jesus Christ<sup>119</sup>.

Namun kajian ini mendapati wujud sedikit kejanggalan berdasarkan contoh dan keterangan yang diberi. Ini kerana kiasan yang diberikan itu berada di dalam

<sup>117</sup> *Transubstantiation* ialah teori yang menjelaskan bahawa roti yang dimakan oleh setiap pengikut Kristian itu pada zahirnya adalah roti tetapi realitinya telah bertukar menjadi tubuh Jesus Christ. Begitu juga dengan arak yang pada zahirnya adalah arak, tetapi realitinya ia adalah darah Jesus Christ. Lihat William E. Addis dan Thomas Arnold (1957), *A Catholic Dictionary*. Hal. 315.

<sup>118</sup> *Temubual* dengan Rev. Paul Tan Chee Ingg.

<sup>119</sup> *Ibid.*

situasi yang berbeza kerana dalam usaha menginterpretasikan keadaan roti menjadi tubuh Jesus Christ sedangkan ia dalam keadaaan tetap roti adalah mustahil. Berdasarkan konsep *transubstantiation*, Gereja Katholik menetapkan bahawa dari aspek zahirnya roti yang dimakan adalah sebenarnya masih roti, sedangkan dalam realitinya mereka mempercayai roti itu adalah jasad Jesus Christ. Namun hakikatnya tidak sedemikian, kerana roti itu tetap dipanggil sebagai roti; kecuali sekiranya semasa memakan roti itu ia bertukar menjadi daging Jesus yang sebenarnya, maka ketika itu tentulah konsep ini akan ada nilai kebenarannya<sup>120</sup>.

Berdasarkan kepada bukti-buktii tersebut menunjukkan roti dan arak memainkan peranan penting sebagai pemangkin untuk para penganut Katholik bersatu dengan Jesus Christ dalam upacara *Eucharist*. Agama Kristian juga mengambil inspirasi untuk menyandarkan roti yang dimakan pada malam *Last Supper* sebagai makanan yang bukan sahaja untuk tubuh malahan untuk jiwa ataupun *spiritual food*<sup>121</sup>. Justeru, setiap bahagian roti yang di makan itu adalah tubuh Jesus Christ yang akan menjadi jiwa si pemakan untuk terus bersatu dengan prinsip-prinsip ajarannya selama-lamanya demi mencapai keselamatan dan kebahagiaan di kerajaan Tuhan kelak.

Selain sebagai suatu bentuk penyatuan antara Jesus Christ dengan penganut agama Kristian, *Last Supper* juga merupakan lambang kepada

<sup>120</sup> Pandangan Islam terhadap isu ini dibincangkan pada bab akan datang. *Infra*. Bab empat. Hal. 124.

<sup>121</sup> Temubual dengan Rev. Paul Tan Chee Ingg. Lihat juga artikel *The Seven Sacrament (The Holy Communion)*. Hal. 1-2. Boleh didapati melalui pelayaran internet di laman web <http://www.leo@acctgmgmt.com>.

pengorbanan Jesus Christ untuk menyelamatkan manusia daripada dosa warisan yang ditanggung. Ini kerana makan malam yang dihadiri oleh Jesus Christ merupakan yang terakhir sebelum beliau melakukan tugas yang lebih besar iaitu mati di tiang salib demi menyelamatkan manusia daripada dosa warisan. Oleh itu ianya wajar dikenang sebagai suatu peringatan terhadap pengorbanan Jesus Christ yang begitu besar. Manusia telah bebas daripada bebanan dosa warisan kerana pengorbanan Jesus Christ. Ini kerana secara mistiknya air yang diminum pada malam *Last Supper* digambarkan sebagai darah Jesus Christ. Justeru ianya turut menggambarkan tentang pengaliran darah Jesus Christ semasa di tiang salib untuk menebus dosa manusia<sup>122</sup>.

Kajian ini juga mendapati bahawa *sacrament Last Supper* mirip kepada suatu bentuk penyatuan di antara jiwa penganut Kristian dengan Jesus Christ dan ingatan terhadap pengorbanan besar yang dilakukannya kepada Tuhan untuk menyelamatkan manusia daripada tanggungan dosa warisan. Ianya juga lebih merupakan suatu ucapan syukur atau terima kasih kepada Tuhan kerana memberikan rahmat melalui anak tunggal-Nya Jesus Christ kepada sekalian penganut Kristian supaya dosa warisan dan dosa-dosa mereka diampunkan Tuhan. Dengan demikian penyatuan jiwa penganut dengan Jesus Christ seolah-olah mereka menjadi Jesus Christ iaitu suci daripada tanggungan dosa warisan dan seterusnya merasai bersatu dengan Tuhan. Ini kerana Jesus Christ merupakan satu-satunya Anak Tuhan dan beliau adalah bebas daripada tanggungan dosa dan dosa warisan. Atau dengan kata lain, pengorbanan Jesus Christ merupakan suatu

---

<sup>122</sup> William E. Addis dan Thomas Arnold (1957), *A Catholic Dictionary*. Hal. 321.

penyembahan yang dilakukan untuk Tuhan. Tuhan menganugerahkan rahmat dan menghadiahkan penyesalan dan keampunan terhadap dosa warisan<sup>123</sup>.

Berdasarkan keterangan-keterangan di atas, kajian ini mendapati seseorang yang mengikuti upacara *sacrament Eucharist* ini secara automatiknya akan memperolehi 3 kelebihan sepetimana berikut:

1. penyatuan diri dengan Jesus Christ melalui kepercayaan bahawa roti bertukar menjadi jasad dan arak bertukar menjadi darah Jesus Christ.
2. membaiki jiwa dan roh seseorang penganut Kristian yang telah rosak akibat daripada dosa warisan dan dosa-dosa lain yang dilakukan. Ini kerana penyatuan diri dengan Jesus Christ sebagai seorang yang suci daripada dosa akan menjadikan seseorang itu turut berkeadaan suci daripada dosa. Justeru ianya akan dapat meningkatkan kasih sayang Tuhan ke atas hambanya.
3. sentiasa merasakan diri mereka mendapat keselamatan. Ini kerana para peganut agama Kristian akan menganggap tubuh, jasad, jiwa dan roh mereka telah mengalami proses penyatuan diri dengan Jesus Christ selepas selesai menjalani *sacrement* tersebut.

Ini memberi erti bahawa setiap penganut Kristian dan khususnya Roman Katholik adalah wajib mengimani dan mempercayai bahawa Jesus Christ adalah benar-benar hadir pada ketika upacara *Eucharist* dijalankan dan mereka akan bersatu dengan Jesus Christ melalui roti yang dimakan dan air yang diminum.

<sup>123</sup> *Ibid.* hal. 323-324.

Hidangan tersebut merupakan makanan jiwa ataupun *spiritual food* yang akan membantu penganut Roman Katholik dan Kristian mendapat rahmat Tuhan dan menerima pengampunan dosa. Para penganut Roman Katholik dan Kristian juga perlu mempercayai bahawa Jesus Christ telah bersatu dengan diri mereka dan begitulah sebaliknya. Ini akan membawa mereka mendapat jaminan keselamatan dari Jesus Christ<sup>124</sup>.

## E . KESIMPULAN

Kepercayaan Gereja Roman Katholik bahawa Jesus Christ sebagai penyelamat manusia daripada dosa yang diwarisi daripada Adam dan Eve adalah merupakan kepercayaan yang bersumberkan ajaran *The Holy Bible*. Di dalam menerapkan kepercayaan ini para sarjana Roman Katholik selanjutnya telah membincangkannya secara tuntas. Jesus Christ yang dikatakan sebagai penyelamat bertaraf Tuhan telah berjaya menjalankan misinya di dunia ini. Kasih sayang, cinta, kasih dan keadilan Tuhan telah menyelubungi manusia selepas Jesus Christ merelakan dirinya disalib sebagai penebus dan sekali gus penyelamat manusia daripada belenggu dosa warisan.

<sup>124</sup> Temubual dengan Rev. Paul Tan Chee Ingg. Lihat juga artikel *The Seven Sacrament (The Holy Communion)*. Hal. 1-2. Boleh didapati melalui pelayaran internet di laman web <http://www.leo@acctgmgmt.com>.

Bible menceritakan kepada manusia bahawa Jesus adalah penyelamat yang sejak dahulu sememangnya ditunggu oleh manusia, dia telah lahir dan melaksanakan tanggungjawabnya iaitu dengan merelakan dirinya dikorbankan. Oleh kerana itu, jika pengorbanan Jesus Christ tersebut ditolak manusia akan sentiasa dihantui oleh dosa di sepanjang hidup. Natijah daripada itu keimanan kepada pensaliban Jesus di kalangan penganut Katholik adalah merupakan *input* yang terpenting.

Melalui peristiwa pengorbanan Jesus Christ juga dikatakan sebagai bukti Tuhan telah memperlihatkan sifat kasih sayang-Nya kepada manusia. Ia merupakan rahmat yang tidak terpadam. Kemuncak kasih Tuhan telah dibuktikan bilamana Dia merelakan *Son of God* menjadi galang ganti demi memulihkan kembali hubungan yang telah terpesong semenjak sekian lama. Sifat memberi keampunan kepada manusia juga terserlah di dalam peristiwa penyelamatan ini. Dosa yang sepatutnya ditanggung oleh manusia telah dihapuskan bilamana Jesus Christ secara sukarela telah menjadikan dirinya sebagai tebusan kepada kesengsaraan manusia akibat dosa warisan. Di samping itu, ianya turut menekankan bahawa Tuhan adalah sempurna dan mengambil berat kepada masalah yang dihadapi oleh manusia.

Kepercayaan terhadap Jesus Christ sebagai penyelamat yang bertaraf Tuhan sebagaimana diperjelaskan di atas adalah bertentangan dengan agama Islam. Islam sebagai agama samawi yang terakhir telah menolak secara total

dakwaan dan keyakinan Kristian Katholik bahawa Jesus Christ adalah anak tuhan dan penyelamat manusia daripada dosa warisan.